

CITRA *SUBALTERN*, *COMPRADOR*, DAN *AMBIVALENCE* DALAM NOVEL-NOVEL JONG CHIAN LAI: ANALISIS STUDI BUDAYA

MOHAMAD SALEEH RAHAMAD

ABSTRACT

Works of literature do not exist in vacuum. Rather, they are inspired by society, and are created for society. Through literary works, a writer shares his society's aspirations, while also sharing his paradigm with them. This is, in fact, the focal point of Cultural Studies, that is, how the social world is constructed and represented. Members of society with an affinity for literary works are hegemonically influenced and controlled by literary devices employed to subjugate the readers' own reading of society. This paper delves into two novels by Jong Chian Lai *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* and *Pindah*, and discusses the power struggle between superiors and subordinates. The analysis uncovers an obstinate paradigm of power play. In this power struggle, Jong highlights the clash between subaltern (subordinate) forces and dominant (superior) forces by making heard subaltern voices, and burying traditionally dominant voices. Nonetheless, Jong's paradigm does not defend the dichotomy or the binary clash between these two parties. Instead, he calls into place two imageries that are intertwined, ambivalence and comprador, that allow the hegemonic control of the subaltern.

Keywords: *cultural studies, subaltern, comprador, ambivalence*

PENDAHULUAN

Perbincangan ini akan berlegar dalam lapangan disiplin Studi Budaya (*Cultural Studies*) untuk melihat pemaknaan bahasa yang ditampilkan dalam karya sastra. Pemaknaan bahasa itu membentuk satu sosok budaya yang diterapkan dalam masyarakat. Inilah yang difokuskan oleh Studi Budaya, yaitu pertanyaan tentang representasi: bagaimana dunia ini dikonstruksi dan direpresentasikan secara sosial (Barker 2004: 9). Melalui representasi ini masyarakat akan diberi bahan bacaan yang berisi nilai sepunya (*shared value*) untuk dikongsi bersama dan diserasikan dengan cara hidup secara rela (bdk. Weedon 2001: 156). Atau dalam konteks

pengertian teori hegemoni, penerapan nilai sepunya ini akan menurunkan kuasa secara ideologikal dan masyarakat akan menerima dominasi nilai itu secara rela hati (*rule by consent*).

Menurut Bennet, Studi Budaya ialah satu arena interdisiplin, yakni perspektif daripada disiplin yang berlainan dapat diambil secara selektif bagi menguji hubungan antara kebudayaan dengan kekuasaan; bentuk kekuasaan yang diterokai oleh Studi Budaya beragam, termasuk gender, ras, kelas, kolonialisme, dan lain-lain (Barker 2004: 7-8). Studi Budaya juga merangkumi wilayah pendekatan kajian budaya seperti politik, ideologi, sosial, dan sejarah (Weedon 2001: 155).

Atas dasar keluasan dan kebebasan perkelanaan Studi Budaya dalam disiplin akademik sehingga melanggar tebing dan sempadan disiplin yang pelbagai itu, penelitian terhadap sesebuah teks boleh sahaja menyentuh sebarang aspek yang berhubungan dengan permainan kuasa. Misalnya, menurut prinsip jurus pandang pascakolonial (ini juga satu daripada cabang Studi Budaya) terhadap wacana Orientalisme, segala yang dibangunkan dalam naratif adalah untuk membina paradigma bersifat hegemonik. Dunia yang diwujudkan bukanlah meniru atau menggambarkan realiti tetapi dunia yang dicipta bagi membina paradigma umum yang akan berfungsi sebagai ejen hegemoni oleh penjajah terhadap peribumi, atau oleh Barat terhadap Timur. Dalam wacana Orientalisme terkandung ideologi yang cuba menjalurkan kedudukan Timur sebagai satu yang perlu ditangani oleh Barat. Menurut Edward W. Said (1978: 3):

...the corporate institution for dealing with the orient—dealing with it by making statements about it, authorizing views of it, describing it, teaching it, settling it, ruling over it: in short, Orientalism as a Western style for dominating, restructuring, and having authority over the Orient.

Apabila seseorang menggunakan kategori seperti Timur dan Barat, kedua-duanya sebagai pemula dan penamat analisis, penyelidikan, polisi awam, hasilnya lazimnya membahagikan polarisasi bahawa Timur menjadi lebih ketimuran, Barat menjadi lebih kebaratan, serta membataskan pertemuan manusia yang berlainan budaya, tradisi dan masyarakat. Dari sudut kajian gender atau feminisme, dalam wacana patriarki pun gejala ini berlaku apabila dunia *subordinate* wanita secara kulturalnya merupakan ciptaan pengarangnya demi mengabsahkan suara patriarki dan mengatasi letak duduk wanita dalam masyarakat.

Dalam Studi Budaya semua gejala ini diperhatikan sehingga melampaui semua bidang kehidupan dan semua wacana. Unsur yang dilihat ialah bagaimana budaya beroperasi dan dioperasikan melalui teks. Lazimnya hubungan kuasa menjadi titik fokus untuk membincangkan permainan budaya dalam sesebuah teks. Perbincangan tentang unsur kuasa akan melibatkan hubungan antara dua pihak, dominan dan bawahan. Baik antara lelaki dengan wanita, pemerintah dengan rakyat, pemimpin dengan pengikut, kapitalis dengan rakyat marhaen, tuan dengan hamba, atau apa-apa saja yang melibatkan dominasi kuasa, semuanya termasuk dalam fokus perbincangan Studi Budaya.

Menjurus kepada karya novel Jong Chian Lai, dapat dikonsepsikan bahawa aspek kuasa yang mencelah di antara dua pihak menjadi kegemarannya. Jong mempunyai satu paradigma yang tekal apabila membicarakan permainan kuasa

antara dua pihak, *superior* dan *subordinate*. Dalam hubungan ini, Jong gemar mempertentangkan golongan *subaltern* (*subordinate*) dengan golongan dominan (*superior*), dan selalunya golongan *subaltern* diberi suara untuk berbicara sedangkan suara dominan yang mempunyai kuasa direndamkan. Begitupun, paradigma yang disarankan oleh Jong tidaklah mempertahankan dikotomi atau pertentangan binari secara tegas antara kedua-dua pihak ini, sebaliknya wujud dua citra yang mempunyai hubungan erat, iaitu *ambivalence* dan *comprador* yang memungkinkan berlangsungnya penguasaan secara hegemonik. Gaya kepengarangan ini terpapar dalam novel *Gugurnya Langit Nanga Tiga* (1986) dan *Pindah* (1987, naskah yang digunakan ialah cetakan kedua, 1988). Bagi menjelaskan hal ini elok diuraikan tiga istilah yang menjadi kata kunci, iaitu *subaltern*, *ambivalence*, dan *comprador* secara ringkas.

KONSEP SUBALTERN, AMBIVALENCE, DAN COMPRADOR

Ketiga-tiga istilah ini (*subaltern*, *ambivalence*, dan *comprador*) muncul dalam teori pascakolonial tetapi dapat diterapkan juga dalam kajian terhadap novel-novel yang bukan merupakan teks pascakolonial. Hal ini demikian kerana novel-novel tersebut mengambil pola hubungan antara penceroboh—peribumi (dalam *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* [GLHNT] dan *Pindah*) atau *superior*—*subordinate*.

Jong sebagai perakam suara *subaltern* sudah disentuh oleh Jeniri Amir (2007) dan Awang Azman Awang Pawi (2003a, 2003b). *Subaltern* bermakna *of inferior rank*, yang berkedudukan di bawah atau golongan terpinggir, manusia kecil yang tidak berkuasa. Istilah ini dipopularkan oleh Antonio Gramsci (1891—1937) seorang intelektual muda Itali yang berjuang dalam politik kiri semasa pemerintahan diktator Musolini dalam makalah yang bertajuk “On the Margins History: History of the Subaltern Social Group” pada tahun 1934. Istilah *subaltern* pada asalnya bermaksud perwira di bawah kapten, kemudian berkembang kepada makna orang tertindas, deskripsi tentang pelbagai kelompok yang didominasi dan dieksploitasi serta kurang memiliki kesedaran kelas (Nyoman Kutha Ratna 2005: 189).

Dalam pengertian Gramsci, *subaltern* merujuk kepada kelompok masyarakat yang tertakluk secara hegemoni di bawah kelas pemerintah. Seterusnya istilah ini digunakan dalam kajian pascakolonial yang merujuk kepada semua golongan terpinggir sama ada dari segi kelas, usia, kasta, gender, perjawatan dan sebagainya (Ashcroft, Griffiths, dan Tiffin 2000: 215-216). Di India, dalam persejarahan arus perdana, lazimnya hanya suara elit politik yang diberi kedudukan sebagai pelakar sejarah sedangkan rakyat kecil terpinggir lantaran kedudukan mereka dalam hierarki paling rendah. Kesedaran bahawa golongan *subaltern* juga patut dinobatkan sebagai pelakar sejarah kemerdekaan telah menggesa kelompok intelektual di India mempromosikan pengajian *subaltern*. Antara tokoh yang terlibat dalam Pengajian *Subaltern* ialah Ranjit Guha, Shahid Amin, David Arnold, Partha Chatterjee, David Hardiman dan Gyan Pandey. Menurut Guha, akibat daripada kesendengan sejarawan terhadap elit politik, sumbangan rakyat bawahan dilupakan sedangkan kebangkitan mereka menentang kolonial juga adalah signifikan (Ashcroft, Griffiths, dan Tiffin 2000: 216—217).

Bagi tujuan kajian ini, istilah *subaltern* cuma digunakan untuk mengidentifikasi golongan terpinggir atau tertindas dalam memperkatakan paradigma yang

disarankan oleh pengarang. Penampilan golongan *subaltern* adalah untuk menghadirkan mereka ke tengah-tengah wacana besar supaya sumbangan mereka juga diperhatikan.

Istilah *ambivalence* (berbelah bahagi) pula muncul dalam teori pascakolonial oleh Homi Bhabha, yang beriringan dengan istilah *mimicry* (peniruan) dan *hybrid* (kacukan). Tiga ciri yang dikemukakan oleh Bhabha ini kerap dirujuk oleh para pembicara wacana kolonial, antikolonial dan identiti pascakolonial (Childs dan Williams 1997: 123–124.) Istilah “ambivalence” yang digunakan oleh Homi Bhabha diambil daripada Freud yang mengatakan bahawa sikap ini wujud apabila dua naluri yang bertentangan membentuk satu ketetapan. Bagi Freud, *ambivalence* menerangkan kedudukan bersama (*co-existence*) dua naluri, iaitu naluri seks atau kehidupan (*eros*) dan naluri kematian (*thanatos*).

Berdasarkan kajian klinikal, Freud mendapati bahawa rasa cinta beriringan dengan rasa benci. Inilah yang mewujudkan *ambivalence*. Dengan mengambil dualiti ini, Bhabha menyatakan bahawa objek wacana kolonial ditandai oleh *ambivalence* antara memperolok (*mockery*) dengan meniru (*mimicry*), antara *derided* dengan *desired*, sebagaimana fantasi kolonial untuk berada di dua tempat dalam satu masa, iaitu menjadi penjajah dan dijajah. Oleh itu, *ambivalence* melibatkan proses penyerupaan dan penafian (Childs dan Williams 1997: 124).

Bhabha mengambil tulisan Frantz Fanon sebagai asas membentuk konsep *ambivalence*. Sementara Fanon menyimpulkan bahawa keinginan peribumi ialah mendiami tempat tinggal penjajah, Bhabha menambah bahawa penjajah juga dari tempatnya yang tinggi mahu melihat ke bawah bagi mencari identitinya. Bagi Bhabha, sikap sedemikian bercorak pemisahan atau *splitting* (mahu kekal seperti yang sedia ada di samping ingin menjadi yang lain) dan penduaan atau *doubling* (berhasrat untuk berada di dua tempat pada masa yang sama). Penjajah dikatakan terperangkap dalam dua keinginan, iaitu antara *megalomania* dengan keinginan untuk menyeksa (Childs dan Williams 1997: 125).

Daripada rasa *ambivalence* itu pula lahirlah *mimicry*, iaitu usaha peniruan yang menghasilkan identiti yang seakan-akan sama dengan yang ditiru tetapi hakikatnya tetap berbeza (*almost the same, but not quite*). Konsep *mimicry* menerangkan watak yang terbentuk daripada rasa serba salah (*ambivalence*), iaitu antara mahu menjadi lain tetapi kekal dengan keadaan asal: “*It relies on resemblance, on the colonized becoming like the colonizer but always remaining different*” (Childs dan Williams, 1997:130). Dengan berlandaskan konsep imej cermin dalam teori psikoanalisis Jacques Lacan, Bhabha menyatakan bahawa imej manusia pasca-Pencerahan (Eropah) terikat kepada bayang orang yang dijajah (Homi K. Bhabha 1994: 44; Firdous Azim 2001: 238).

Watak-watak peniru di kalangan peribumi dilahirkan oleh dasar kolonial bagi kepentingan mereka sebagai penyambung warisan nilai Barat untuk dikekalkan dalam kalangan peribumi. Dasar ini ditegaskan oleh Thomas Macaulay dalam *Minute on Indian Education* (1835): “*We must at present do our best to form a class who may be interpreters between us and the millions whom we govern; a class of persons, Indian in blood and colour, but English in taste, in opinions, in morals, in intellect.*” (Childs dan Williams 1997: 130). Golongan inilah yang disebut sebagai *comprador*, istilah ketiga yang perlu dijelaskan dalam kajian ini. Sebagai watak *comprador*, mereka

mempunyai kulit berwarna tetapi memakai topeng putih, atau mengikut istilah Fanon, *black skin, white mask*.

Comprador berasal daripada bahasa Portugis yang bermaksud pembeli, yang asalnya merujuk kepada saudagar tempatan yang bertindak sebagai orang tengah antara pengeluar luar negara dengan pasaran tempatan. Aliran Marxis menggunakannya untuk maksud khusus bagi menerangkan golongan borjuis yang memperoleh kedudukan istimewa daripada kolonial. Dalam teori pascakolonial istilah ini telah berkembang sehingga meliputi golongan inteligensia—ahli akademik, penulis kreatif, dan artis—yang kebebasannya dikompromikan dengan pergantungan pada, dan mengidentifikasikan diri dengan kuasa kolonial. Idea tentang kelas *comprador*, sama ada kapitalis mahupun intelektual, mengandaikan kewujudan struktur hierarki budaya dan hubungan material yang jelas, iaitu tiada sesiapa dalam masyarakat terjajah yang dapat mengelakkan diri sepenuhnya daripada kuasa kolonial dan neokolonial.

Selanjutnya, bagi golongan *comprador* ini mereka sudah memiliki keistimewaan, kekayaan dan pendidikan sehingga dapat mencapai taraf hidup yang diperkenalkan oleh kolonial, dan oleh itu mereka tidak lagi berminat dalam perjuangan membebaskan masyarakatnya daripada belenggu penjajahan (Ashcroft, Griffiths, dan Tiffin 2000: 55).

Demikian juga dalam novel-novel Jong, watak *comprador* telah ditonjolkan sebagai pewaris legasi kuasa golongan dominan. Mereka bukanlah terdiri daripada penceroboh atau pemegang kuasa yang sebenar tetapi menerima kuasa itu daripada penceroboh atau pemegang kuasa untuk melakukan penindasan terhadap orang sendiri, atau melakukan kolonialisme dalaman (*internal colonialism*). Hampir tidak diberikan sebarang suara kepada penceroboh sebenar kerana suara mereka sudah dipindahkan kepada golongan *comprador* bagi tujuan mencapai hasrat mereka. Maka berlakulah penguasaan secara hegemonik.

Jong Chian Lai telah memperlihatkan gaya kepengarangan yang seragam dalam novel-novelnya. Watak yang diberi fokus atau pembelaan ialah golongan *subaltern*, dan mereka ditindas oleh golongan penguasa melalui tali barut yang disebut sebagai *comprador*, tetapi dalam masa yang sama wujud sikap berbelah bahagi antara keinginan membela golongan *subaltern* dengan keinginan untuk menerima agenda penguasa. Tanggapan ini dapat dilihat pada pola hubungan antara kedua-dua pihak dalam dua novelnya, iaitu *GLHNT* dan *Pindah*. Perbincangan ini akan dibahagikan secara tematik pada kedua-dua novel serentak dengan menganalisis representasi dunia *subaltern*, watak *comprador*, dan unsur *ambivalence*.

REPRESENTASI DUNIA SUBALTERN

Gaya kepengarangan Jong Chian Lai ditandai representasi dunia *subaltern*. Dalam novel *GLHNT*, Jabau mewakili golongan *subaltern* yang haknya dinafikan dan dipinggirkan oleh penguasa kapitalis pembalakan, iaitu Tauke Yap. Jabau berseorangan menentang usaha pembalakan di kawasan petempatan kaumnya apabila seluruh penduduk termasuk keluarganya menerima kedatangan Tauke Yap yang membawa wang ringgit. Tauke Yap telah mempergunakan ketua rumah panjang, Apai Icut untuk mempengaruhi atau menipu kaumnya melalui transaksi

rahsia sehingga menggadaikan kawasan hutan tempat tinggal mereka. Apai Icut berjaya menjalankan konspirasi itu sehingga seluruh penduduk rumah panjang Nanga Tiga menerima tawaran Tauke Yap untuk menjalankan pembalakan di kawasan mereka.

Sajau, bapa Jabau, juga dengan rela menerima tawaran itu walaupun dia masih mengingati wasiat bapanya supaya mempertahankan tanah mereka yang diterokai dengan keringat dan nyawa. Bapa dan ibunya telah mati dibaham beruang semasa menerokai kawasan itu. Namun demikian, setelah termakan godaan daripada *comprador* yang mempunyai laluan ke arah kehidupan mewah, Sajau gelap mata. Dia membuat keputusannya dengan monolog yang berikut:

“Aku belum lupa pesan kau, pak,” bisik Sajau sambil memetik buah lada yang sudah menguning.

“Kalaupun pesan itu masih kuingat, waktunya telah berlalu. Ini bukan masanya untuk memegang pesan orang tua. Pesan lapuk itu sudah berlalu.” Hati Sajau mencemuh.

(Jong Chian Lai 1986: 26)

Jabau kehilangan penyokongnya dengan peralihan arah dan keinginan bapanya itu. Keterpinggiran Jabau ditambah dengan kedudukannya sebagai tunang Sunti, anak Apai Icut. Dengan kedudukannya itu dia tidak mungkin dapat meraih sokongan padu daripada orang yang disayangi dan menyayaginya kerana Apai Icut sudah pasti tidak membenarkan hubungan mereka diteruskan. Akhirnya Jabau tersingkir dari kampungnya apabila dihalau oleh Apai Icut mengikut adat *menoa*. Apabila dihalau begitu, Jabau tidak lagi diizinkan pulang ke kampungnya; dia mesti meninggalkan segala-galanya. Ini menjadikan dia lebih terpinggir walaupun dia memperoleh bantuan daripada rakannya, Semanjau yang berani melanggar adat dengan membenarkan Jabau menumpang di pondoknya.

Keterpencilan Jabau dalam kedudukan yang rahsia itu merupakan *signifier* atau penanda kebisuan golongan *subaltern* secara berganda. Dia bukan sahaja terpinggir dari segi idea dan kemasyarakatan, malahan tersisih dari segi fizikal. Lokasi tempat tinggalnya bukan sahaja menjauh secara fizikal malahan dirahsiakan. Keterpinggirannya berlapis-lapis. Apabila berkedudukan begitu dia bukan sahaja mengalami pemencilan dari kuasa pusat kerana suaranya tidak disokong malahan dia tidak dibenarkan bersuara langsung secara sah. Jika dia bersuara bermakna kerahsiaannya bersembunyi di pondok Semanjau akan pecah.

Tetapi kerahsiaan itu jugalah yang menjadi senjata rahsia (*sly weapon*) Jabau. Dalam teori pascakolonial peniruan (*mimicry*), keakuran golongan terjajah kepada kuasa kolonial berupaya menjadi senjata rahsia bagi melakukan wacana balas. Ini selari dengan kes Jabau. Dengan bertindak seolah-olah mematuhi adat penyingkiran kaumnya, dia lebih bebas bergerak secara subversif tanpa disedari oleh Apai Icut. Inilah yang kebebasan yang diberikan oleh pengarang kepada golongan *subaltern*.

Selain itu, dalam keseluruhan cerita ini suara Jabau mendapat tempat yang dominan berbanding dengan Tauke Yap. Tauke Yap hampir dibisukan sama sekali

daripada menyuarakan isi hatinya. Sebagai manusia pastilah ada nilai kebaikan dalam dirinya dan nilai ini hanya dapat diluahkan melalui monolog dalaman atau *stream of consciousness* seperti yang diberikan kepada Jabau serta orang lain. Namun begitu, Tauke Yap dinafikan sama sekali haknya untuk berbuat demikian. Inilah yang dikatakan sebagai dunia representasi, yang dikonstruksikan sebagai ejen budaya atau senjata budaya (*cultural weapon*) bagi menegaskan paradigma pengarang.

Jabau mendapat ruang yang amat besar untuk menyatakan isi hatinya sama ada secara lantang mahupun senyap. Dalam strategi kreatif, pemberian ruang yang besar kepada seseorang watak untuk bersuara ialah bukti kesendengan sikap pengarang terhadap watak tersebut. Inilah yang berlaku dalam wacana kolonial apabila mereka membisukan watak peribumi berbanding dengan watak kolonial (bdk. Zawiyah Yahya 1994). Bagi tujuan wacana balas, lazimnya teks pascakolonial memberikan layanan yang serupa kepada watak kolonial. Dalam konteks novel *GLHNT* ini terlihat bagaimana watak *subaltern* itu diberi ruang untuk bersuara berbanding dengan watak penceroboh kapitalis, Tauke Yap. Tauke Yap hanya menjadi patung dan aksinya cuma digerakkan oleh pengarang melalui deskripsi dramatik sehinggalah detik menjelang kematiannya. Hanya beberapa patah perkataan daripada mulut Tauke Yap diberi ruang dalam novel ini. Ini membuktikan bahawa novel ini ialah wacana *subaltern*.

Dalam novel *Pindah* juga golongan *subaltern* dikemukakan sebagai suara dominan. Ungging mewakili golongan minoriti atau *subaltern* yang lazimnya tidak diberi suara untuk menyampaikan pandangan dan hasratnya dalam dunia kuasa. Apabila kuasa beralih kepada dia, diberikan oleh pengarang, suaranya diperdengarkan. Maka bertembunglah keinginan dua pihak. Ungging di satu pihak yang mempertahankan hutannya manakala Tuai Ungga mewakili pihak yang mahu memusnahkan kawasan hutan di bawah kuasa orang Jepun.

Ungging enggan meninggalkan rumah panjangnya di Kampung Tegelam ke rumah panjang baharu apabila projek Hidro Batang Ai di Bahagian Kedua Sarawak hendak dilaksanakan. Di sini wujud dua citra *subaltern*, iaitu masyarakat Iban sebagai golongan minoriti yang terpinggir daripada arus pembangunan negara dan Ungging, seorang watak devian dalam masyarakatnya. Ungging keluar daripada kelompok majoriti masyarakatnya dan bertegas untuk mempertahankan Kampung Tegelam, ditemani anjingnya Labang, walaupun dia sedar kawasan itu akan tenggelam apabila empangan hidro siap kelak. Keterpinggiran atau marginaliti Ungging samalah dengan marginaliti Su Usul dalam novel *Tunggul-Tunggul Gerigis* karya Shahnnon Ahmad. Su Usul hanya bertemankan cucunya, Bedul dan Goh seekor lembu yang bakal dikorbankan manakala keluarganya tidak langsung mahu mendengar rintihannya.

Bagi Ungging, bukan sahaja masyarakatnya, malahan keluarganya sendiri meninggalkan dia bersendirian demi menuruti arus perdana yang menghilirkan masyarakatnya ke muara modeniti. Mereka hidup dalam kemodenan sedangkan Ungging kekal sebagai entiti kecil di tengah ancaman ditenggelamkan oleh empangan. Kedudukan Ungging samalah seperti kedudukan Jabau, iaitu mengalami peminggiran berganda: pertama sebagai masyarakat Iban, kedua sebagai Ungging yang devian daripada masyarakat dan keluarganya sendiri.

Jong Chian Lai memanipulasi kebebasan kreatif dan imaginasi untuk memindahkan kuasa bersuara kepada golongan *subaltern* yang diwakili oleh

Ungging. Biarpun dia manusia kecil (malah terlalu kecil digambarkan secara visual pada bahagian akhir novel ini semasa dia berperahu di tengah kawasan empangan), dia juga wajar dinobatkan sebagai pelakar sejarah. Teroleng-oleng perahunya di tengah kawasan empangan ketika empangan itu dirasmikan memperlihatkan *signifier* yang jelas bahawa kewujudannya perlu diberi perhatian. Sejarah perlu mengambil berat sumbangan watak-watak kecil, bukan hanya bertumpu kepada golongan borjuis dan elit politik. Inilah yang diperjuangkan oleh kelompok intelektual di India dalam mempromosikan Pengajian *Subaltern*, iaitu menghasilkan *history of the people*.

Melalui karya sastra, kedudukan golongan marginal ini dapat diketengahkan dan disedari oleh pihak atasan, bahawa mereka juga sebenarnya banyak memberikan sumbangan dalam pembangunan negara, sekurang-kurangnya dalam usaha memberikan kesedaran tentang kepentingan alam semulajadi dan warisan adat. Untuk itu, Ungging memperoleh ruang yang besar untuk menyuarakan hatinya tentang kenapa dia enggan berpindah. Dijelaskan bahawa keengganan Ungging disebabkan ketegasannya mempertahankan maruah, adat, dan budayanya. Apabila berpindah ke tempat baharu mereka akan mengalami transformasi cara hidup. Mereka akan kehilangan rasa persaudaraan dan terpisah jauh daripada budaya yang selama ini mengikat mereka dalam satu rumpun komuniti.

COMPRADOR: PEWARIS KUASA PENCEROBOH

Dalam kedua-dua novel tersebut penindasan dan tekanan tidak datang terus daripada penceroboh atau penguasa tetapi melalui tangan kaum itu sendiri. Jong Chian Lai mempunyai satu paradigma yang tekal dalam soal ini sebagai satu kritikan dalaman atau introspeksi diri. Jika dalam zaman penjajahan golongan *comprador* ini beraksi sebagai penerus legasi kolonial kerana telah diindoktrinasikan melalui pendidikan dan kemewahan menurut skema kolonial, dalam kedua-dua novel ini juga watak-watak *comprador* itu dibina oleh penceroboh secara skematik.

Novel *GLHNT* menampilkan watak Poling dan Apai Icut sebagai dalang *comprador* yang menjalankan kuasa kapitalis Tauke Yap. Apai Icut dan Poling ialah orang Iban tetapi telah termakan budi Tauke Yap. Mereka telah meniru cara hidup orang bandar dan cuba mempengaruhi masyarakat Iban di rumah panjang untuk menurut jejak mereka. Peniruan atau mimikri adalah lazim berlaku dalam dunia pascakolonialisme.

Ketiadaan suara Tauke Yap dalam novel ini bukanlah mutlak kerana suaranya sudah dipindahkan kepada watak *comprador*, iaitu Apai Icut, Poling, dan sesekali melalui watak lain yang menyokongnya. Malahan Tauke Yap tidak perlu bersuara apabila Apai Icut dan Poling sudah diindoktrinasikan supaya menyokong langkah Tauke Yap untuk membangunkan Nanga Tiga. Apai Icut merupakan *comprador* tulen kerana hanya dia yang mengetahui transaksi penggadaian tanah Nanga Tiga kepada Tauke Yap dan mendapat habuan besar berbanding orang kampung yang lain.

Jong Chian Lai memusatkan kebenciannya kepada watak *comprador* ini dengan mempelbagaikan kaedah penceritaan. Bukan sahaja percakapan dan aksi, malahan melalui monolog dalaman pun suara *comprador* yang menyanjung agenda kapitalis diperdengarkan. Bukan sahaja Apai Icut dan Poling, malahan pihak polis pun digambarkan sebagai simbol golongan borjuis yang menjadi *comprador* apabila

mereka bersubahat dengan Tauke Yap menindas kaum Iban. Hal ini dipaparkan dalam peristiwa Jabau hendak membuat aduan kepada polis tentang pencerobohan Tauke Yap. Ketika itu anggota polis sedang berbual mesra dengan Tauke Yap di kedai kopi sebagai penanda keterlibatan mereka melindungi aktiviti Tauke Yap. Perhatikan peristiwa ini:

... Jabau berjalan pergi dari situ. Kemudian menghala ke kedai Wong yang menjual kopi. Jabau tidak masuk bila dia ternampak bayang-bayang Tauke Yap, Poling, Sarjan Dollah dan Tuan Sukmi di situ. Dia menyimpang ke jalan lain sambil memerhati tajam ke kedai itu. Bencinya mula terasa berbusa-busa dalam dada. Dia mula rasa curiga dengan kehadiran Sarjan Dollah dan Tuan Sukmi di samping Tauke Yap. Kedatangannya untuk mengadu nasib Nanga Tiga itu jadi sia-sia bila berhadapan dengan muka-muka bertopengkan kepentingan rakyat itu.

(Jong Chian Lai 1986: 129)

Dalam dunia *subaltern* itu sendiri penjajahan berlaku secara dalaman, *internal colonialism*. Inilah juga kejayaan kolonial walaupun mereka sudah tidak lagi berkuasa secara politikal di bekas tanah jajahan. Legasi kuasa mereka dalam bentuk hegemoni terus berlangsung dalam bentuk neokolonialisme yang salah satu daripada faktornya ialah kewujudan golongan *comprador* ini. Demikian juga yang terpapar dalam novel *Pindah* apabila watak Tuai Ungga menduduki hierarki tertinggi dalam masyarakatnya memiliki laluan mudah kepada tuannya, korporat Jepun yang membina empangan hidro Batang Ai.

Bagi Ungging orang Jepun ialah musuh tradisinya dan tidak wajar dijadikan tuan walaupun dalam soal perubahan cara hidup dalam dunia pascaperang. Ungging menegaskan dendam dan ingatannya terhadap kezaliman tentera Jepun:

“Kau lupa Tuai. Orang Jepun yang menyeksa anak buahmu. Kau lupakah bayonet mencincang tubuh mereka. Mereka menentang dengan lembing, sumpit dan senapang patah. Kau lupa Tuai. Kerana anakmu tidak ada yang mampus waktu itu. Dan tidak ada anak dara kau yang diperkosa. Sejarah hitam itu beku dalam tubuh aku. Sekarang kita senyum dengan mereka. Makan minum semeja. Kita makan ubi, nasi campur garam dulu. Mustahil aku boleh lupa. Orang seperti kau, anak dan bini aku boleh maafkan musuhku. Tapi tidak aku,” suara Ungging tidak putus-putus walaupun ada ketikanya ada esakan yang memantul keluar dari mulutnya.

(Jong Chian Lai 1988: 70)

Walau apa pun hujah Ungging, watak *comprador* telah termakan budi penguasa kapitalis ini. Tuai Ungga telah mempedaya Belawai, anak Ungging. Belawai telah dipujuk pergi ke Pejabat Daerah untuk Tuai Ungga menyuruh Belawai menyogokkan wang kepada Pegawai Daerah untuk mengesahkan penjualan tanah

Ungging. Ungging tidak mendapat sesen pun wang daripada penjualan tanahnya itu (Jong Chian Lai 1988: 58).

Watak *comprador* juga dapat dilabelkan pada Belawai sehingga dia sanggup mencerca bapanya sendiri. Tanpa perlu orang Jepun mengatakan sesuatu yang menyakitkan hati Ungging, anaknya sendiri sudah beraksi seperti orang Jepun, atau dalam istilah Fanon "*black skin, white mask*" bagi menerangkan sifat watak *comprador* ini. Deskripsi yang sama tergambar pada watak Belawai dalam petikan ini:

...Ungging perhatikan seketika muka Belawai. Hari demi hari wang kertas itu kian menjadikan anaknya yang dahulu menitikkan keringat dengan kerja di sawah, di bukit, di hutan belantara, di sungai bertabiat kurang ajar pula. Di depan matanya bagaikan orang lain pula. Seorang lelaki yang segar, tampan dengan pakaian baru. Tidaklah comot seperti ketika miskin dahulu. Tapi seorang lelaki sombong, bongkak dan terlalu ego. Dan Ungging tahu anaknya sudah keterlaluan.

(Jong Chian Lai 1988: 36)

Seluruh keluarga Ungging telah dijajah secara budaya oleh corak kehidupan baharu. Selain Belawai, isterinya Sindong dan anak gadisnya Maji juga sudah menerima corak hidup baharu itu dengan rela hati. Mereka menjalani kehidupan moden tanpa ragu-ragu dan melihat kedaifan hidup Ungging di tengah hutan sebagai ketinggalan zaman. Isterinya sendiri mengecam kedegilan Ungging:

"Cuma kau saja yang cari susah. Kau diam dengan hantukah? Kau tahu tak? Babi tu pun tak sudi tinggal bersama kau, apatah lagi aku," begitu lancar sekali marah bininya ketika itu.

(Jong Chian Lai 1988: 32)

Maksudnya, cara berfikir mereka, konsep mereka tentang budaya telah berubah. Mereka telah mewarisi pemikiran "penjajah" (dari sudut pandangan Ungging). Digambarkan bagaimana kehidupan moden yang dijalani oleh keluarga Ungging di tempat kediaman baharu sehingga tidak lagi kelihatan ciri budaya Iban di rumah panjang:

...Emak sedang duduk di kerusi empuk, menjahit baju dengan mesin jahit singer yang baru dibelinya kelmarin. Maji sibuk membedakkan pipinya. Dia berpakaian baju tidur nipis, di baliknya bayang-bayang seluar dalam berwarna hitam dan coli putih. ...Sindong senyum memerhatikan anak daranya yang asyik bersolek.

(Jong Chian Lai 1988: 34)

Dengan keadaan sedemikian, Ungging sebagai golongan peribumi yang marginal tidak perlu diserang atau dipinggirkan oleh penjajah sebenar. Orang paling

rapatnya dengannya sudah cukup untuk menjadikan Ungging kecil dan terhina. Jong amat sadar apabila mewujudkan watak *comprador* ini bagi merepresentasikan sebuah dunia yang wajar menjadi cerminan masyarakat. Paradigmanya jelas, iaitu penghinaan sesuatu kaum tidak perlu dilakukan oleh musuh yang nyata tetapi sudah sempurna dilakukan oleh kaumnya sendiri. Dan secara tidak langsung Jong menyaranakan pandangan bahawa hal inilah yang perlu diawasi sentiasa.

CITRA AMBIVALENCE: MENOLAK ATAU MENERIMA PERUBAHAN

Satu lagi ciri kepengarangan Jong Chian Lai ialah sikap *ambivalence*-nya terhadap "musuh" atau yang dimusuhi golongan *subaltern* yang dibelanya. Dalam novel *GLHNT* kebencian Jong terhadap kapitalis yang mencerooboh kawasan petempatan kaum Iban demi keuntungan material dengan balasan kemewahan adalah tidak mutlak. Dia berada dalam keadaan *ambivalence*, antara membenci usaha pencerobohan dengan mengakui kebaikan nilai pembaharuan yang turut dibawa bersama. Ambivalensi pengarang terpapar pada pendiriannya terhadap kedua-dua pihak yang bertentangan. Pada beberapa cuplikan dialog dan peristiwa atau aliran plot dapat dibuktikan bahawa Jong memberikan ruang kepada agenda perubahan cara hidup bagi kaum Iban. Misalnya dalam satu peristiwa, Poling diberi suara untuk menyatakan kebaikan yang dibawa oleh projek pembalakan:

"Jadi kami ingin majukan Iban. Kami tak boleh lagi tengok hidupnya bangun pagi tengok hutan. Tidur malam dalam hutan. Hidup dalam hutan. Langkah kita membuka mata kamu semua. Buka mata luas-luas. Apakah sampai mati kita dibayangi langit hijau ini? Dan apakah mengharapkan sungai itu saja untuk kita ke pekan Betong? Sehari suntuk bersampan. Kalau nasib tak bagus sampai dua hari." Lembah lembut sekali turut bicara Poling sambil menghisap rokoknya sesedut.

(Jong Chian Lai 1986: 10)

Daripada hujah Poling itu terlihat kebenarannya apabila dibandingkan dengan cara hidup masyarakat Iban di dalam hutan yang serba kekurangan. Paradigma ini juga diakuri oleh watak tempatan yang lain. Sasau ketika mendengar bunyi bising jentera pembalakan berkata:

"Itulah orang seperti mereka. Cuba kita seperti mereka. Tidak hidup melarat dalam hutan ini. Sengsara, miskin. Tidak ada itu. Tidak ada ini. Serba-serbi kurang. Mereka satu sen pun boleh jadi seratus. Sepuluh ringgit boleh jadi berpuluh-puluh ribu," sampuk Sasau mengelap peluh di dahi.

(Jong Chian Lai 1986: 164)

Apai Icut yang menduduki hierarki tertinggi dalam masyarakatnya dan mendekati kuasa kapitalis bukan sahaja menyuarakan sikap dan pandangan yang sama melalui

dialog yang boleh diragui ketulusannya, malahan melalui *stream of consciousness* juga dia menyuarakan pandangannya.

Kelak budak-budak tidak lagi buncit perut kerana banyak sangat cacing dengan mata yang terperosok. Tidak payah lagi mereka bergantung pada tanaman yang tidak langsung mendatangkan keuntungan. Mereka tidak perlu lagi ke kebun kerana sesuap nasi. Nanga Tiga tidak akan bergelap seperti sekarang. Nanti akan ada elektrik. Akik Kiat tidak susah-susah menyalakan pelita. Cuma petik suis dan ruai pun terang seperti disinari bulan penuh. Mereka tidak susah-payah mencari kayu api lagi. Mereka boleh memasak dengan dapur minyak. Di sungai mereka tidak perlu berkayuh sampai sehari ke pekan itu. Mereka boleh beli enjin. Inilah yang diperlukan. Perubahan yang menyeluruh.

(Jong Chian Lai 1986: 141)

Pandangan Apai Icut ini jujur kerana disuarakan melalui hatinya. Apabila hatinya yang berbicara, pengarang memaksudkan itulah pandangan yang sebenar, bukan tipu muslihat. Lainlah halnya jika pandangan itu disuarakan melalui ujaran, boleh jadi itu cuma kepura-puraan. Jong yang berada dalam keadaan *ambivalence* antara menerima dan menolak pembaharuan telah membiarkan pandangan Apai Icut yang bertentangan dengan pendirian Jabau dikumandangkan. Inilah permainan bahasa yang merepresentasikan ideologi untuk dihayati oleh masyarakat.

Ambivalensi Jong lebih ketara pada penamat cerita apabila Jabau yang merupakan watak protagonis diperlihatkan sebagai manusia kejam yang sanggup membunuh manusia lain tanpa mengikut saluran undang-undang. Dia membunuh Tauke Yap dan Poling, musuh kelestarian adat dan budaya tradisi masyarakat Iban. Pembunuhan kedua-dua watak itu bukannya dapat membunuh usaha pembalakan atau pembaharuan cara hidup masyarakat Iban, tetapi hanya membunuh usaha penentangan Jabau apabila dia mati ditembak ibunya semasa hendak membunuh Apai Icut.

Kesudahan cerita itu menyuguhkan satu paradigma budaya untuk diakuri oleh masyarakat Iban, bahawa keganasan tidak akan membawa kesan positif. Walaupun sekian banyak pemihakan diberikan kepada golongan *subaltern* dalam menyuarakan bantahannya, ruang bagi golongan *superior* atau *center* juga diberikan secara tidak langsung. Jong berbelah bahagi antara mahu membenarkan perjuangan Jabau dengan menerima hakikat perlunya perubahan dalam masyarakat Iban dan salahnya cara perjuangan yang dilakukan oleh Jabau.

Demikian juga jalur pemikiran yang ditemukan dalam novel *Pindah*. Antara keinginannya membela perjuangan Ungging, pengarang juga memberikan ruang kepada golongan yang lain atau *Other* (melalui watak *comprador*) untuk menyatakan pandangan tentang kekolotan cara hidup di hutan berbanding dengan kehidupan di tempat baharu. Membiarkan hujah mereka berkumandang bukanlah tanpa sebab. Jong memberikan ruang untuk hujah pihak lain itu bagi tujuan perbandingan dengan tradisi yang dipertahankan oleh Ungging seorang diri di Kampung Tegelam. Lihat dialog Aya Uta (Jong Chian Lai 1988: 32) yang mengungkapkan kebaikan cara

hidup moden. Begitu juga imej “comot” dari sudut pandangan Ungging sendiri terhadap rupa Belawai ketika miskin dahulu (Jong Chian Lai 1988: 36) secara tidak langsung memperlihatkan keraguan pengarang membela pendirian Ungging sepenuhnya. Sepatutnya imej “comot” tidak lahir dari sudut pandangan Ungging kerana dia melihatnya sebagai peribumi yang mempunyai set nilai tradisi untuk menentukan segak atau comot seseorang itu.

Sikap *ambivalence* juga dapat dinilai pada ujaran Pemanca Gerunggung ketika bertemu dengan Ungging. Antaranya, Pemanca Gerunggung menuturkan propaganda kerajaan secara argumentatif:

“Kalau Ungging enggan pindah, apa gunanya kita melaung-laungkan pada kerajaan kita majukan kehidupan. Dan inilah halangan. Orang Iban tak akan maju kalau banyak lagi macam Ungging. Kemajuan akan terbantut. Ungging mesti pindah. Hidup lebih selesa dan senang di rumah panjang baru itu...”

(Jong Chian Lai 1988: 114)

Ungging yang menolak pujukan itu pun diperlihatkan tidak menolak sepenuhnya hujah Pemanca Gerunggung kerana dia hanya menolaknya atas alasan peribadi. Premis yang digunakan oleh Ungging ialah disebabkan sejarah kezaliman tentera Jepun terhadap bapanya dahulu, maka kini dan selamanya dia mesti menolak perdamaian dengan Jepun. Ungging tidak menyatakan bahawa hujah yang berkaitan dengan kemajuan hidup itu salah.

Antara menolak dengan menerima kemodenan menjadi sifat Ungging sendiri. Ketika dia hendak menebang pokok engkabang untuk membina perahu, pada mulanya dia hanya menggunakan tenaga tuanya dengan sebilah kapak tetapi akhirnya dia menerima tawaran pertolongan daripada Embong untuk menebang pokok itu dengan gergaji mesin. Dengan adanya bantuan itu lebih cepat kerjanya diselesaikan. Ini teknologi yang dibawa oleh modeniti atau oleh pembangunan yang selama ini diketepikan oleh Ungging. Tetapi dengan strateginya mengaburkan penyampaian idea, Jong Chian Lai dapat memanipulasi alat moden itu sebagai penanda bahawa antara penolakan dengan penerimaan dalam diri Ungging saling bertelagah dan akhirnya dia tewas. Inilah ambivalensi yang wujud dalam diri Ungging (Jong Chian Lai 1988: 143).

Lebih ketara sikap *ambivalence* Ungging diperlihatkan dalam petikan aliran kesedaran Ungging sendiri setelah dia membunuh anjing kesayangan untuk dijadikan makanan bagi menyambung nyawanya.

Ungging sedar. Bila Embong marah begitu, teringat pula dia pada Labang. Jepun kejam dahulu macam dia juga. Macam dia juga, Jepun dahulunya lapar sanggup membunuh Nyalai Nuing. Dan apakah salahnya manusia seperti dirinya membunuh untuk hidup? Begitu juga Jepun sanggup membunuh untuk terus berjuang.

(Jong Chian Lai 1988: 147)

Keakuran Ungging pada hakikat itu jelas membuktikan sikap *ambivalence*-nya terhadap tindakan tentera Jepun dahulu. Kini setelah dia mengalami tekanan yang sama barulah dia menyedari kesilapannya mendendami Jepun. Inilah yang dikatakan pergeseran antara *derided* dengan *desired*, antara kebencian dengan keakuran/keinginan.

Apabila wujud pertentangan sikap antara benci dan akur, pengarang tidak bersikap dikotomi. Lantaran pengarang sendiri sudah melihat kebaikan daripada pembangunan, dia sendiri membenarkan langkah Tuai Ungga memilih perpindahan dari Kampung Tegelam melalui representasi dunia secara sosial. Dunia yang dicipta itu akhirnya memungkinkan berlaku pembangunan di Batang Ai dan Kampung Tegelam akhirnya tenggelam. Pada akhir cerita, Ungging berperahu merenangi kawasan empangan Batang Ai sebagai petanda bahawa kedua-dua pihak diberi peluang untuk hidup dan bersuara. Tidak ada pemihakan seratus peratus dan inilah yang dikatakan *ambivalence*.

KESIMPULAN

Analisis ini hanya membincangkan tiga ciri kepengarangan Jong Chian Lai dalam dua buah novelnya, iaitu *GLHNT* dan *Pindah*. Tiga ciri itu ialah pencitraan golongan *subaltern*, permainan watak *comprador*, dan sikap *ambivalence*. Jong memperlihatkan keseragaman idea tentang ketiga-tiga ciri ini dalam novel-novelnya. Malahan ciri yang sama juga terlihat dalam dua buah lagi novelnya, iaitu *Pemberontakan* (1994) dan *Meredah Ombak Keributan* (2001). Kedua-dua novel tersebut juga mempertentangkan dua golongan, antara *subaltern* dengan penguasa yang dominan. Begitupun analisis lanjut perlu dilakukan pada kesempatan lain terhadap dua buah novel itu bagi membuktikan tanggapan ini.

Sesuai dengan keluwasan Studi Budaya cakupan perbincangan ini menyentuh soal kuasa dan pemaknaan kuasa ke atas golongan lain secara paradigmatic. Daripada analisis ini dapat dicungkil paradigma budaya yang dikemukakan oleh Jong Chian Lai melalui novel-novelnya itu. Paradigma itu tergambar dalam dunia representasi, bukannya yang sebenarnya berlaku. Jong mencipta permainan bahasa untuk mengkonstruksi sebuah citra yang dapat dijadikan nilai sepunya masyarakat, khususnya masyarakat Iban yang menjadi subjek cerita.

Kesimpulannya, paradigma pengarang ialah mengiktiraf suara golongan *subaltern*. Bagi novel *GLHNT* golongan *subaltern* diwakili oleh Jabau, seorang pemuda Iban yang menentang hegemoni kapitalis yang diwakili Tauke Yap. Dalam novel *Pindah*, Ungging seorang tua yang keseorangan mewakili golongan *subaltern* apabila terpaksa berdepan dengan golongan dominan kapitalis dan rancangan kerajaan atas dasar pembangunan. Kedua-dua watak itu tampil sebagai konstruksi sosial yang dapat memecahkan dinding persejaraan elit dalam pemetaan pembangunan negara.

Seterusnya, watak-watak *comprador* harus sentiasa diperhatikan dalam setiap pertembungan antara pusat dengan pinggir kerana akhirnya kesalahan perlu dilihat pada diri sendiri atau kaum sendiri juga selain menjatuhkan hukuman kepada kuasa penindas luar. Demikianlah pencitraan *comprador* dalam kedua-dua novel: Apai Icut, Poling, dan suku-sakat sendiri mewakili *comprador* dalam *GLHNT*; Tuai Ungga dan kaum serta keluarga sendiri dalam *Pindah*.

Walau bagaimanapun, kebencian dan kemarahan tidak seharusnya dilepaskan terhadap nilai baharu yang cuba menjajah tradisi. Di sebalik keburukan yang dilihat oleh golongan *subaltern* yang terasa tertindas oleh nilai baharu itu, dari perspektif lain ada manfaatnya yang wajar diterima. Perubahan corak hidup dibela dalam kedua-dua novel kerana kemajuan yang dinikmati negara memberikan kebaikan kepada taraf kehidupan, tetapi dalam masa yang sama pencerobohan secara tipu helah dan kekerasan tidak sepatutnya dibiarkan. Oleh itu, dalam kedua-dua novel terungkap paradigma budaya bahawa pembangunan modeniti tetap datang juga tanpa dapat dielakkan. Kekerasan penentangan terhadap nilai moden itu hanya akan mengakibatkan kemusnahan. Namun begitu, pengkhianatan terhadap bangsa dalam novel *GLHNT* dan penipuan demi kepentingan sendiri dalam *Pindah* sangat tercela.

Dalam menyampaikan paradigmanya itu, Jong Chian Lai telah memanfaatkan keanjalan dan sarana sastera yang indah. Jong bijak menyampaikan idea budayanya itu tanpa mengatakannya secara terus terang tetapi membiarkan imej dan aksi watak bermain di pentas fiktif secara artistik. Misalnya, citra *ambivalence* yang menyelubungi ideanya berguling dan bergelut dalam diri setiap watak secara natural. Keunikan manusia yang berjiwa dapat dipertontonkan oleh Jong untuk ditafsirkan oleh pembaca. Jong membiarkan pembaca menggunakan daya taakulan untuk mencari makna tersebut tanpa memberitahunya secara langsung. Sesungguhnya Jong menghargai kebijaksanaan dan imaginasi pembaca. “Gambarkan, jangan beritahu” – itulah prinsip yang mendasari binaan naratif karya Jong Chian Lai, dan inilah nilai artistik dan bukti kebijaksanaan Jong Chian Lai sebagai pengarang sastera arus perdana.

RUJUKAN

- Ashcroft, Bill, Gareth Griffiths, dan Helen Tiffin. 2000. *Post-Colonial Studies: The Key Concepts*. London and New York: Routledge.
- Awang Azman Awang Pawi. 2003a. Karya dan pengarang: Jong Chian Lai daripada perspektif pembinaan kesusasteraan nasional. Kertas kerja dalam Simposium Penulis Pelbagai Kaum, sempena Festival Sastera Perpaduan Malaysia di Kuching, Sarawak pada 22-25 Ogos.
- Awang Azman Awang Pawi. 2003b. Berakhirnya naratif agung: Di tengah subalterniti dan etniksiti. Kertas kerja Seminar Teori Kritikan Sastera anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 20-21 Oktober.
- Bhabha, Homi K. 1994. *The Location of Culture*. London: Routledge.
- Barker, Chris. 2004. *Cultural Studies Teori dan Praktik*. Terj. Nurhadi. Yogyakarta: Kreasi Wacana.
- Childs, Peter dan R.J. Patrick Williams. 1997. *An Introduction to Post-Colonial Theory*. London: Prentice Hall.
- Firdous Azim, 2001. Post-colonial theory. Knellwolf, Christa and Christopher Norris, (eds.). *The Cambridge History of Literary Criticism. Volume IX. Twentieth-Century Historical, Philosophical and Psychological Perspectives*. Cambridge: Cambridge University Press, hlm. 238.

- Jong Chian Lai. 1986. *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jong Chian Lai. 1988. *Pindah*. Cet. Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nyoman Kutha Ratna. 2005. *Sastra dan Cultural Studies: Representasi Fiksi dan Fakta*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Said, Edward W. 1978. *Orientalism*. Hammondsworth, Middlesex, England: Penguin Books.
- Jeniri Amir. 2007. Jong Chian Lai: Menonjolkan suara golongan terpinggir. *Dewan Sastera*, Januari 2007: 27–31.
- Weedon, Chris. 2001. Christa Knellwolf dan Christopher Norris (eds.). *Criticism, Volume IX, Twentieth-Century Historical, Philosophical and Psychological Perspective*. Cambridge: Cambridge University Press, hlm. 155–164.
- Zawiyah Yahya. 1994. *Resisting Colonialist Discourse*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.